

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)

---

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT ]

**SOALAN:**

Tuan Haji Ahmad Nazlan Bin Idris (Jerantut) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah perkahwinan pasangan Islam yang berkahwin di luar negara tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan mereka di dalam negara.

**JAWAPAN:** (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Undang-undang Keluarga Islam yang dikuatkuasa di negeri-negeri, telah ada peraturan mengenai kewajipan mana-mana pasangan yang berkahwin di luar negara untuk mendaftarkan perkahwinan mereka. Misalnya, di Wilayah Persekutuan, **Akta undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]**, dimana **Seksyen 31** telah jelas menyatakan bahawa mana-mana orang yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan yang berkahwin di luar negara dengan sah mengikut hukum Syarak, hendaklah dalam masa enam bulan selepas tarikh perkahwinan itu,

hadir untuk mendaftarkan perkahwinannya di hadapan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, dan Ruju' Orang Islam yang berhampiran sekali. Penalti akan dikenakan jika pihak-pihak tidak hadir di hadapan Pendaftar dalam tempoh yang dinyatakan di atas sebagaimana yang disebut dalam **Seksyen 35** Akta yang sama, iaitu denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Selain daripada langkah penguatkuasaan undang-undang di atas, terdapat beberapa langkah yang telah diambil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM dan Jabatan Agama Islam di negeri-negeri (JAIN) bagi menanganinya. Pendekatan yang diambil adalah berkonsepkan "*Al Wiqayah Khair Min al 'Ilaj*", antaranya adalah seperti berikut:-

- a) menyelaras pengurusan perkahwinan, perceraian dan ruju' orang Islam yang tinggal dan bermastautin di Malaysia melalui mekanisme perbincangan berkala iaitu Persidangan Ketua-ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' Seluruh Malaysia;
- b) menyediakan dan menerbitkan Garis Panduan Pengurusan Perkahwinan Perceraian Dan Ruju' di Luar Negara. Garis Panduan ini telah diterbitkan pada tahun 2009 dan telah diedarkan kepada Jabatan Agama Islam di negeri-negeri serta kepada orang awam dalam program-program kekeluargaan;

- c) mengadakan Kempen Sah Nikah Sah Nasab dalam pelbagai versi sama ada seminar, penerbitan iklan Sah Nikah Sah Nasab, penerbitan pamflet dan risalah-risalah berkaitan pengurusan kekeluargaan. Tujuan kempen ini adalah untuk memberikan penjelasan mengenai kesan perkahwinan sindiket, kesan perkahwinan tanpa kebenaran Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah ( bagi kes yang memerlukan kebenaran mahkamah) dan kesan tidak mendaftarkan perkahwinan kepada isteri atau isteri-isteri dan anak-anak;
- d) melaksanakan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia secara berfasa / berperingkat termasuk menyediakan Modul Nikah Cerai Rujuk Luar Negara yang akan digunakan oleh Pejabat Kedutaan di luar negara;
- e) mengadakan Multaqa Pendaftar Nikah Cerai Ruju' secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Agama Islam di negeri-negeri (JAIN) bagi memberikan penjelasan isu semasa berkaitan prosedur perkahwinan di dalam dan luar negara, muzakarah isu dan masalah berhubung pengurusan perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang, menyelaraskan peraturan mengenai urusan perkahwinan di antara agensi-agensi yang terlibat, mendapatkan maklumat, pandangan, maklumbalas dan idea bagi mengatasi isu-isu perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan negara kepada semua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' di negeri-negeri;
- f) menerbitkan pamflet Implikasi Perkahwinan Tidak Mengikut Undang-undang untuk diedarkan kepada orang awam;

- g) mengadakan sesi perbincangan dari semasa ke semasa berkaitan pengurusan perkahwinan orang Islam Malaysia di luar negara dengan semua agensi berkepentingan termasuk Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan agensi-agensi lain; dan
- h) mengadakan perbincangan dan diskusi berkala dengan pihak-pihak yang berautoriti dalam urusan perkahwinan orang Islam di negara-negara bersempadan Malaysia seperti dengan pihak-pihak di Selatan Thailand, Indonesia, Brunei dan Singapura.

Memandangkan perkahwinan adalah merupakan antara perkara yang amat dititikberatkan dalam Islam, maka dinasihatkan kepada mana-mana orang Islam yang hendak berkahwin, hendaklah patuh kepada Undang-undang Keluarga Islam serta prosedur perkahwinan, perceraian dan ruju' yang ditetapkan oleh pihak JAIN. Pasangan juga hendaklah mendaftarkan perkahwinan luar negara yang berlaku kepada pihak JAIN. Ini penting bagi mengelakkan permasalahan di kemudian hari seperti masalah dalam pendaftaran anak-anak, hak dan kebajikan isteri atau isteri-isteri serta anak-anak, masalah dalam pembahagian harta pusaka serta masalah-masalah lain yang akan timbul jika berlaku perceraian atau kematian antara pasangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWANRAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT]  
SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat menempatkan pegawai perubatan di semua pusat kesihatan terutama di luar bandar di seluruh negara dan berapakah jumlah peruntukan penyelenggaraan untuk pusat kesihatan luar bandar khususnya di Jerantut yang telah dibelanjakan sepanjang tahun 2012 dan 2013 yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penempatan Pegawai Perubatan di semua klinik kesihatan dibuat secara berterusan mengikut keupayaan sumber manusia sama ada di bandar atau luarbandar supaya rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang saksama dan berkualiti. Sehingga Disember 2013, terdapat 934 buah klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara di mana 664 buah (71%) daripadanya telah diisi dengan sekurang-kurangnya seorang Pegawai Perubatan manakala sebanyak 270 buah klinik kesihatan di luarbandar masih belum mempunyai perkhidmatan Pegawai Perubatan. Kebanyakan klinik kesihatan luar bandar ini

mempunyai beban kerja yang rendah iaitu kurang daripada 50 pesakit sehari dan terletak di kawasan pedalaman yang terpencil.

Bagi meningkatkan lagi perkhidmatan pegawai perubatan di klinik-klinik tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan perkhidmatan lawatan doktor secara berkala ke fasiliti berkenaan sementara menunggu pengisian oleh pegawai perubatan yang tetap. KKM juga melaksanakan penempatan wajib secara giliran bagi pakar perubatan keluarga dan memperkenalkan program penempatan doktor latihan siswazah di klinik kesihatan untuk tempoh tertentu bagi memberi pendedahan awal serta meningkatkan minat berkhidmat di luar bandar.

Untuk makuman, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sentiasa berusaha mengisi jawatan pegawai perubatan di semua klinik kesihatan. Namun begitu, jumlah pegawai perubatan yang diterima masih belum mencukupi untuk mengisi semua jawatan dan pengisian dibuat mengikut keutamaan dan kepentingan perkhidmatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perbelanjaan bagi penyelenggaraan bagi 10 buah klinik kesihatan, 24 buah klinik desa dan 1 buah klinik 1Malaysia di Jerantut adalah berjumlah RM284,860.00 pada tahun 2013 dan RM209,805.00 pada tahun 2012. Perbelanjaan ini adalah dibawah peruntukan belanja mengurus klinik kesihatan yang merangkumi penyelenggaraan kenderaan, kalibrasi dan baiki peralatan perubatan serta penyelenggaraan penghawa dingin.

Pada masa yang sama, pihak KKM sedang meninjau pelbagai kaedah untuk mendapatkan sumber bagi mempertingkatkan penyelenggaraan

fasiliti kesihatan. Bagi tahun 2014, sejumlah RM3 juta telah diperuntukkan di bawah projek perintis Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) untuk penyelenggaraan fasiliti kesihatan di 10 buah klinik terpilih di Pahang, manakala sebanyak RM200,000 lagi telah diperuntukkan untuk pembaikan dan naiktaraf Klinik Kesihatan Kuala Tembeling di Jerantut, Pahang.